

BULETIN PEJABAT PENDAFTAR



Vol : 1/2021

JANUARI - DISEMBER



29. Penglibatan **Warga BPD** dalam Pengoperasian **Pusat Pemberian Vaksin IPT** UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



16. Kunjungan Mesra Naib Canselor ke Pejabat Pendaftar

8. Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2020 Pejabat Pendaftar
9. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020 Pejabat Pendaftar
19. Audit Dalam Pejabat Pendaftar
24. Lawatan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke Integrative Pharmacogenomics Institute (iPROMISE)
27. Audit Sirim QAS INTERNATIONAL - ISO 9001:2015
28. Misi Bantuan Banjir @BPD



PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN UiTM SIRI 2 TAHUN 2021

13 dan 14 Disember 2021 Bahagian Kemajuan Kerjaya (BKK) telah mengadakan peperiksaan perkhidmatan UiTM siri 2 di Makmal FSKM, UiTM Shah Alam yang dibantu oleh beberapa pegawai dari BKK serta dihadiri oleh Tuan Haji Muhammad Huzaifah bin Haji Redzuan selaku Ketua Bahagian Kemajuan Kerjaya. Calon yang terlibat seramai 61 orang dari pelbagai skim dan gred.

BENGKEL SEMAKAN JOB DESCRIPTION (JD)

14 - 16 Disember 2021 Bengkel semakan Job Description (JD) rujukan oleh staf Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO) yang diadakan di Bilik Seminar Accounting Research Institute (ARI). Bengkel ini bertujuan memurnikan JD yang telah dirangka dengan membuat semakan dan perbincangan penambahbaikan draf JD yang telah dibuat.



Syarahan PENDAFTAR UiTM

Tuan Haji Muhamad Nizam Noordin



"Usaha, Taqwa, Mulia : Pentadbir Universiti Awam"

Pada 13 Disember 2021, YBrs Tn Haji Muhamad Nizam Noordin, Pendaftar UiTM telah menyampaikan Syarahan bertajuk "Usaha, Taqwa, Mulia : Pentadbir Universiti Awam" kepada seluruh pentadbir Universiti Awam melalui saluran dalam talian Zoom. Program adalah anjuran pihak ILD UiTM bersama pihak JKSMUA.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Pejabat
Pendaftar

Pejabat Pendaftar
Aras 3, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin,
Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, Selangor

Vol : 1 2021/ Januari - Disember

